



‘Engkau telah bertanya kepadaku perkara yang besar, namun ia amat mudah bagi orang yang Allah mudahkan kepadanya

Daripada Mu‘az bin Jabal رضي الله عنه, beliau berkata: “Aku pernah bersama Nabi الله صلى الله عليه وسلم dalam suatu perjalanan, suatu pagi aku berjalan di sisinya ketika kami sedang berjalan, lalu aku berkata: ‘Wahai Rasulullah, beritahu kepadaku amalan yang memasukkanku ke dalam syurga dan menjauhkanku dari neraka.’ Baginda bersabda: ‘Engkau telah bertanya kepadaku perkara yang besar, namun ia amat mudah bagi orang yang Allah mudahkan kepadanya. Iaitu, sembahlah Allah dan janganlah engkau mempersekutukan-Nya dengan apa pun, dirikan solat, tunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, dan tunaikan haji ke Baitullah.’ Kemudian baginda bersabda: ‘Mahukah aku tunjukkan pintu-pintu kebaikan? Puasa itu perisai, sedekah itu memadamkan dosa sebagaimana air memadamkan api, dan solat malam seorang lelaki...’ Lalu baginda membaca: {Mereka menjauhkan diri dari tempat tidur mereka} sehingga sampai pada {mereka beramal}. Kemudian baginda bersabda lagi: ‘Mahukah aku beritahu kepadamu permulaan segala urusan semuanya, tiangnya dan puncak bukitnya?’ Aku menjawab: ‘Tentu sekali, wahai Rasulullah.’ Baginda bersabda: “Permulaan segala urusan itu ialah Islam, tiangnya ialah solat, dan puncaknya ialah jihad.’ Kemudian baginda bersabda: ‘Mahukah aku beritahu kunci bagi semua itu?’ Aku menjawab: ‘Tentu, wahai Nabi Allah.’ Lalu baginda mengambil lidahnya dan bersabda: ‘Tahanlah lidahmu ini.’ Aku bertanya: ‘Wahai Nabi Allah, apakah kami akan dipertanggungjawabkan atas apa yang kami ucapkan?’ Baginda bersabda: ‘Apalah kau ini, wahai Mu‘az! Manusia tidak akan dilempar ke dalam neraka di atas wajah atau hidungnya melainkan kerana akibat lidah mereka.’”

[صحيح بمجموع طرقه] [رواه الترمذي وابن ماجه وأحمد]

Mu‘az رضي الله عنه berkata: “Aku berada bersama Nabi الله صلى الله عليه وسلم dalam suatu perjalanan. Suatu pagi, aku berjalan di sisinya ketika kami sedang berjalan, lalu aku berkata: ‘Wahai Rasulullah, beritahulah kepadaku amalan yang memasukkanku ke syurga dan menjauhkanku dari neraka.’ Baginda bersabda: “Engkau telah bertanya amalan yang besar lagi berat kepada diri, namun ia mudah bagi orang yang Allah mudahkan kepadanya; tunaikanlah kewajiban-kewajiban Islam:” Pertama: Sembahlah Allah sahaja dan janganlah engkau mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Kedua: Dirikanlah solat lima waktu yang wajib setiap hari dan malam: Subuh, Zohor, Asar, Maghrib, dan Isyak, dengan menunaikan syarat, rukun, dan kewajibannya. Ketiga: Tunaikanlah zakat yang wajib, iaitu ibadah harta yang diwajibkan ke atas setiap harta yang mencapai kadar tertentu menurut syarak, diberikan kepada yang berhak menerimanya. Keempat: Berpuasalah pada bulan

Ramadan, iaitu menahan diri daripada makan, minum, dan perkara-perkara yang membatalkan puasa dengan niat ibadah, bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari. Kelima: Tunaikanlah haji ke Baitullah dengan niat menunaikan ibadah haji sebagai suatu ibadah kerana Allah Ta'ala. Kemudian baginda صلى الله عليه وسلم bersabda: "Mahukah aku tunjukkan kepadamu jalan yang membawa kepada pintu-pintu kebaikan? Iaitu dengan mengikuti kewajiban-kewajiban tersebut disertai amalan-amalan sunat:" Pertama: Puasa sunat, ia berfungsi sebagai perisai daripada terjerumus ke dalam maksiat dengan menahan nafsu dan melemahkan kekuatan syahwat. Kedua: Sedekah sunat memadamkan dosa setelah dilakukannya, menghilangkan dan menghapus kesannya. Ketiga: Solat Tahajjud pada sepertiga malam yang terakhir. Kemudian baginda صلى الله عليه وسلم membaca firman Allah Ta'ala: {Mereka menjauhkan punggung mereka daripada tempat tidur mereka, mereka berdoa kepada Tuhan mereka dengan solat, zikir dan bacaan Al-Quran, dengan rasa takut dan mengharap, dan daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka, mereka membelanjakan nya. Tiada seorang pun yang mengetahui apa yang Kami sediakan untuk mereka sebagai kesenangan mata} iaitu nikmat yang menyenangkan pandangan mereka di Hari Kiamat dan di syurga, {sebagai balasan terhadap apa yang mereka kerjakan}. Kemudian baginda صلى الله عليه وسلم bersabda: "Mahukah aku beritahu kepadamu asal agama, tiangnya yang menjadi sandarannya, dan kemuncaknya?" Mu'az رضي الله عنه menjawab: "Tentu sekali, wahai Rasulullah." Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda: "Pokok segala urusan ialah Islam, iaitu dua kalimah syahadah; dengannya terbina pada diri seseorang asas agama." Tiangnya ialah solat; tiada Islam tanpa solat, sebagaimana tiada rumah tanpa tiang. Sesiapa yang menegakkan solat, kukuhlah agamanya dan bertambah tingginya darjatnya. Manakala puncak tertingginya ialah jihad, iaitu berusaha gigih menentang musuh agama demi meninggikan kalimah Allah. Kemudian baginda صلى الله عليه وسلم bersabda: "Mahukah aku beritahu kepadamu cara menjaga dan menyempurnakan segala yang telah disebutkan tadi?" Lalu baginda mengambil lidahnya dan bersabda: "Tahanlah ini dan janganlah engkau bercakap tentang perkara yang tidak berkait denganmu." Mu'az bertanya: "Adakah Tuhan kita akan menghukum, menghitung, dan membalas kita atas setiap apa yang kita ucapkan?" Baginda صلى الله عليه وسلم bersabda: "Semoga ibumu kehilangan kamu!" Ini bukan bermaksud doa buruk ke atasnya, tetapi ia merupakan ungkapan orang Arab untuk menarik perhatian terhadap perkara yang patut diambil cakna dan dimaklumi. Kemudian baginda bersabda: "Tidaklah manusia dilempar dan dijatuhkan ke dalam api neraka atas muka mereka, kecuali akibat dari lidah mereka, berupa kekufuran, tuduhan, cercaan, mengumpat, mengadu domba, fitnah, dan seumpamanya."

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/4303>